

UTHM peroleh 10 pingat di MTE 2017

BATU PAHAT - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mencipta sejarah tersendiri dalam bidang pendidikan tinggi negara apabila memperoleh 10 pingat di Malaysia Technology Expo (MTE) 2017.

Wakil Unit Perhubungan Awam UTHM, Suriayati Baharom berkata, selain pingat tersebut UTHM turut menerima Anugerah Khas MTE 2017 dan Anugerah Best of the Best MTE 2017.

Menurutnya, tiga pingat emas berjaya diraih, tiga lagi pingat perak selain empat pingat gangsa, manakala seorang penyelidik UTHM, Dr Nickholas Anting Anak Guntur memperoleh Anugerah Khas MTE 2017 dan Anugerah Best of the Best MTE 2017.

"Kemenangan diperoleh melalui produk *Moval Drain System* yang juga satu daripada 10 penyertaan UTHM di dalam ekspo dan pameran reka cipta serta inovasi

yang masuk kali ke 17.

"Paling menggembirakan UTHM ialah ke semua 10 penyertaan membawa pingat dan ia merupakan satu sejarah baru untuk kami," katanya.

Suriayati berkata, pertandingan kali ini dibahagikan kepada tiga kategori iaitu *Invention & Innovation Awards 2017*, *Malaysia International Design Expo & Awards (mIDEAS) 2017* dan *Asian Youth Innovation Awards & Expo 2017*.

Menurutnya, saingan hebat diberikan oleh 300 penyertaan termasuklah dari Indonesia, Taiwan dan juga beberapa negara Eropah.

"Penyertaan UTHM di MTE 2017 merupakan langkah terbaik untuk penyelidik kerana ia diiktiraf, selain peluang mengkomersialkan teknologi, inovasi serta produk dihasilkan ke peringkat antarabangsa," katanya.



Nickholas (tengah) bersama penyelidik lain menunjukkan dua anugerah khas yang dimenangi oleh UTHM di MTE 2017.